Convocation

Pengerusi Anak Pahang di Sarawak terima Anugerah Kecemerlangan UMPSA Advanced

Wed, 10/30/2024 - 15:21

GAMBANG, 29 Oktober 2024 – Berkat sokongan dari keluarga tercinta dan rakan-rakan sekerja, Raja Azukri berjaya menamatkan pengajian Master Eksekutif Pengurusan Perniagaan dengan mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.91.

Anak kelahiran Pahang, Yang Mulia Raja Azukri Raja Adam, 48, tidak menyangka atas penganugerahan ini dan gembira apabila terpilih sebagai penerima Anugerah Pembelajaran Sepanjang Hayat UMPSA Advanced dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Ke-19 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UMPSA Kampus Gambang.

Pengerusi Persatuan Anak-anak Pahang di Sarawak (APaS) itu turut memberikan penghargaan yang tidak terhingga kepada UMPSA yang telah memberikan dorongan sepanjang pengajiannya.

Raja Azukri berkata, semua subjek yang diterapkan dalam jurusan ini akan saya amal dan aplikasikan sepanjang karier saya untuk berbakti kepada komuniti serta masyarakat.

Kompetensi beliau dalam mengemudi dan memberi latihan yang terbaik kepada pekerja-pekerja di syarikat tiada tolok bandingya apabila berjaya menghasilkan Modul Latihan ‘Positive Team Transformation’ untuk syarikat dan industri pengurusan projek serta infrastruktur.

Isteri tercinta, Noraini Darasid, berharap agar kejayaan suaminya itu akan menjadi sumber inspirasi kepada anak-anak mereka.

Beliau juga berazam untuk terus melangkah dengan penuh keyakinan, semangat, dan iltizam untuk membawa perubahan kepada komuniti dan industri khususnya.

Disediakan oleh: Mohammad Syafiq Syahmi Suhaimi, UMPSA Advanced

- 174 views

View PDF